



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN IRSYAD AL-HUKMI

PERKARA: KADEAH PELUPUSAN BAHAN PENERBITAN YANG MENGANDUNGI TULISAN AYAT-AYAT SUCI AL-QURAN

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah pada 29 Jun 2009 bersamaan 6 Rejab 1430 bersetuju memberi pandangan mengenai **Kaedah Pelupusan Bahan Penerbitan Yang Mengandungi Tulisan Ayat-Ayat Suci Al-Quran** seperti berikut:


1. Setiap bahan penerbitan atau percetakan yang mengandungi kalimah Allah, ayat-ayat suci al-Quran, hadis-hadis Nabi ﷺ dan seumpamanya yang telah rosak, uzur atau tidak boleh digunakan lagi termasuk apa-apa kandungan yang dihormati hendaklah dilupus mengikut kaedah yang ditetapkan oleh Syarak.
2. Dalam isu ini, Jawatankuasa Fatwa menasihati pihak yang berkenaan agar melaksanakan proses atau kaedah pelupusan bahan penerbitan yang mengandungi tulisan ayat-ayat suci al-Quran iaitu:
 - i. Membakar bahan-bahan tersebut dalam tempat atau ruang yang tertutup sehingga menjadi abu sepenuhnya. Ini berdasarkan hadis riwayat Anas bin Malik ﷺ :

رَدَّ عُثْمَانُ الصُّحْفَ إِلَى حَفْصَةَ، وَأَرْسَلَ إِلَى كُلِّ أُفْقٍ بِمُصْنَحَفٍ مَمَّا
نَسَخُوا، وَأَمَرَ بِهَا سِوَاهٌ مِنَ الْقُرْآنِ فِي كُلِّ صَحِيفَةٍ أَوْ مُصْنَحَفٍ أَنْ يُحْرَقَ.
(رواه البخاري)

Maksudnya: dan Uthman mengembalikan lembaran al-quran kepada Hafsa. Setelah itu, Uthman mengirimkan sejumlah mashaf yang telah disalin semula ke seluruh pelusuk negeri dan memerintahkan untuk membakar setiap lembaran mashaf al-quran selain mashaf tersebut.

- ii. Setelah itu, keseluruhan abu tersebut hendaklah dikumpul dan dimasukkan ke dalam beg plastik seterusnya diikat dengan kemas bagi mengelak abu tersebut berterbangan.
 - iii. Kemudian, abu tersebut hendaklah dihanyut dan ditenggelamkan di tengah laut atau sungai yang mengalir supaya abu tersebut tidak dicemari oleh haiwan dan seumpamanya.
 - iv. Pihak yang terlibat dalam proses pelupusan ini hendaklah berpakaian menutup aurat serta memelihara adab-adab demi menjaga kemuliaan bahan-bahan bercetak yang mengandungi ayat-ayat suci al-Quran.
3. Justeru, Jawatankuasa Fatwa berpandangan kaedah yang dilaksanakan ini adalah lebih praktikal dan memenuhi kehendak syariat. Wallahu'alam.

Disahkan oleh;



DATO' PADUKA SYEIKH FADZIL BIN HAJI AWANG,

DPSS., DSDK., AMK., BCK.

MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Tarikh: 9 Mei 2023 bersamaan 18 Syawal 1444